



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG (07/2025)



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2025



MENGUMPAT DAN MENGADU DOMBA

04 JULAI 2025 / 08 MUHARAM 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ. هَمَارٍ مَّشَاعِمٍ بِنَمِيمٍ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ أُوْصِيْنُكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Islam merupakan agama yang amat menjaga kehormatan dan kemuliaan seseorang insan tanpa mengira agama dan darjah. Justeru itu, Islam mengharamkan



perkara-perkara yang boleh mencalar atau merosakkan maruah seseorang seperti mengumpat dan mengadu domba. Mengumpat dan mengadu domba adalah sifat-sifat terkeji iaitu sifat mazmumah. Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Hujurat ayat 12:

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَ لَا تَجَسَّسُوا وَ لَا
يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُّحُبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيِّتاً فَكَرِهْتُمُوهُ
وَ أَتَقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابُ رَّحِيمٌ .

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan, sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip atau mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka tentulah kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

Ayat ini sangat jelas menyamakan mengumpat iaitu ghibah dengan perbuatan menjijikkan seperti memakan bangkai saudara sendiri. Ini menunjukkan betapa beratnya dosa ghibah di sisi Allah Taala. Definisi mengumpat ini sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:



أَتَرُونَ مَا الْغِيَةٌ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: ذِكْرُكُ أَخَاكَ إِمَّا يَكْرُهُ

Yang bermaksud: “*Adakah kamu tahu apakah itu mengumpat?*” Para sahabat berkata: Hanya Allah dan Rasul-Nya yang mengetahuinya. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Kamu menyebut perihal saudaramu yang tidak disukainya.”

Mengumpat ialah menceritakan keburukan orang lain di belakangnya, walaupun perkara itu benar. Sedangkan jika perkara yang disebut itu tidak benar, maka ia menjadi fitnah, yang lebih besar dosanya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud: “*Jika apa yang kamu katakan itu benar padanya, maka kamu telah mengumpatnya, dan jika tidak benar, maka kamu telah memfitnahnya.*”

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Azza Wa Jalla.

Selain mengumpat, satu lagi penyakit masyarakat yang amat berbahaya ialah mengadu domba iaitu batu api atau nanimah. Perbuatan ini menimbulkan permusuhan antara dua pihak dengan menyampaikan kata-kata yang boleh meretakkan hubungan mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud: “*Tidak akan masuk syurga orang yang suka mengadu domba.*”

Orang yang mengadu domba ialah orang yang menyampaikan ucapan seseorang kepada orang lain dengan niat merosakkan hubungan, menimbulkan salah faham atau memecah-belahkan masyarakat. Kesan buruk perbuatan ini sangat besar, bukan sahaja merosakkan hubungan persaudaraan, bahkan menyebabkan fitnah,



pergaduhan, dan perpecahan dalam masyarakat. Akhirnya, umat Islam menjadi lemah dan mudah diperkotak-katik oleh musuh. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِشَرَارِكُمْ؟ الْمَشَّاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمُفْسِدُونَ بَيْنَ الْأَجْهَةِ، الْبَاغُونَ لِلْبَرَاءَةِ الْعَنَتِ

Yang bermaksud: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu orang yang paling jahat dalam kalangan kamu? Iaitu mereka yang suka mengadu domba, yang suka memecah-belahkan antara orang yang berkasih sayang, yang mentohmahkan orang yang baik dengan tuduhan yang jahat.”

Imam al-Ghazali Rahimahullah dalam kitabnya Ihya’ Ulumiddin menyatakan bahawa membocorkan rahsia orang lain serta menjaskannya kehormatan diri orang itu dengan cara membuka rahsianya, dianggap perbuatan mengadu domba dan fitnah. Beliau menyenaraikan beberapa panduan yang perlu dilakukan ketika menerima sesuatu berita fitnah. Antaranya, tidak mudah percaya dengan fitnah berkenaan, melarang orang yang membawa berita fitnah itu daripada terus memfitnah kerana tidak mahu bersekongkol dengannya selain perbuatan itu turut mengundang dosa besar. Selain itu, tidak berprasangka buruk kepada orang yang diceritakan tersebut, tidak menyebarkan fitnah serta tidak pula menceritakannya.

Ulama mengatakan, ciri utama golongan pengadu domba adalah mereka gemar bersumpah. Selain itu, semua orang dilihat tidak kena pada pandangannya. Apa yang keluar daripada mulut seseorang sebenarnya menentukan keadaan dan keperibadian dirinya. Kita perlu sentiasa berusaha menghalang diri dengan tidak mengeluarkan perkataan buruk atau cuba menyakiti hati orang sekeliling. Jika mulut tidak dikawal, ia sangat mudah untuk menghamburkan kata-kata buruk dan keji.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla

Kesimpulannya, perbuatan mengumpat dan mengadu domba adalah haram dan berdosa besar. Perbuatan mengumpat adalah perbuatan menjijikkan seumpama memakan bangkai saudara sendiri. Mengumpat juga boleh membawa kepada fitnah. Manakala perbuatan mengadu domba boleh merosakkan hubungan, menimbulkan salah faham, atau memecah-belahkan masyarakat. Kesan buruk perbuatan ini mengakibatkan rosak hubungan persaudaraan serta menyebabkan pergaduhan, dan perpecahan dalam masyarakat. Umat Islam boleh menjadi umat yang lemah kerana kesan daripada perbuatan ini.

Beberapa panduan yang perlu dilakukan ketika menerima sesuatu berita fitnah. Antaranya, tidak mudah percaya dengan fitnah berkenaan dan melarang si pemfitnah daripada terus menyebarkan fitnah. Jangan bersekongkol menyebarkan fitnah khususnya dalam media sosial. Selain itu, tidak berprasangka buruk kepada orang yang difitnahkan serta tidak menyebarkan fitnah orang tersebut.

Marilah kita berusaha menjaga mulut dan lidah kita daripada suka mengumpat dan mengadu domba. Ingatlah akan kesan buruk daripada perbuatan ini. Perbanyakkan istighfar dan berzikir kepada Allah Taala. Semoga kita dipelihara oleh Allah Taala di dunia dan akhirat.

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَالَّذِينَ يُؤْذُنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْتَسَبُواْ فَقَدِ احْتَمَلُواْ بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.